

Malaysia bimbang cetus kesan besar terhadap ASEAN

PM: Segera tangani krisis di Myanmar

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
juani.bakar@mediamulita.com.my

PETALING JAYA: Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengingatkan krisis yang sedang berlaku di Myanmar boleh mencetuskan kesan besar kepada negara anggota ASEAN seperti pelarian dan pemerdagangan manusia sekiranya dibiarkan berlarutan.


Beliau menegaskan, krisis yang sedang berlaku itu juga boleh membuka ruang kepada aktiviti merekrut pengganas.

Justeru, katanya, Malaysia menawarkan kesediaan untuk berbincang dengan semua pihak serta menggembleng usaha dengan anggota ASEAN lain bagi membantu Myanmar dalam menyelesaikan krisis negara tersebut.

“Saya turut mengulangi kesediaan Malaysia untuk berbincang dengan semua pihak serta menggembleng usaha dengan anggota ASEAN lain bagi membantu Myanmar menyelesaikan krisis tersebut.

“Alhamdulillah hasil daripada pertemuan ini wakil Myanmar tidak menolak cadangan yang dikemukakan dalam mesyuarat itu malah bersedia menerima wakil ASEAN ke negara tersebut pada waktu yang sesuai.

“Ini merupakan peluang terbaik kepada ASEAN untuk menyelesaikan krisis yang sedang berlaku di sana,” katanya dalam akaun Facebook beliau.



MUHYIDDIN YASSIN

Semalam Muhyiddin mengetuai delegasi Malaysia bagi menghadiri pertemuan pemimpin-pemimpin ASEAN di Jakarta, Indonesia yang diadakan khusus bagi membincangkan perkembangan terkini di Myanmar.

Turut bersama Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Wakil Tetap Malaysia ke ASEAN, Kamsiah Kamaruddin serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Mesyuarat berkenaan turut di-

hadiri para pemimpin dari negara Brunei, Singapura, Indonesia, Vietnam dan Kemboja manakala Thailand, Laos dan Filipina pula masing-masing diwakili oleh Menteri Luar sementara Myanmar diwakili Jeneral Kanan Min Aung Hlain.

Mengulas lanjut Perdana Menteri berkata, pada pertemuan tersebut beliau melahirkan rasa prihatin yang mendalam terhadap situasi yang sedang berlaku di Myanmar sejak beberapa bulan ini dan percaya rakan-rakan ASEAN yang lain turut berkongsi perasaan sama.

“Saya juga menegaskan Malaysia selaku negara terawal yang mencadangkan agar Myanmar diterima sebagai ahli keluarga ASEAN pada tahun 1977 mahu segala ketegangan, keganasan dan pembunuhan yang sedang berlaku sekarang dihentikan begitu juga dengan tahanan politik hendaklah dibebaskan segera.

“Pertemuan ini sangat bersejarah kerana inilah kali pertama para pemimpin ASEAN bertemu secara bersemuka sejak pandemik Covid-19 melanda dunia,” katanya.

Sementara itu, Muhyiddin memaklumkan beliau juga mengambal peluang mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Vietnam, Pham Minh Chinh dan berbincang banyak perkara terutama mengenai hubungan dua hala, perdagangan dan pelaburan Malaysia-Vietnam serta isu berkaitan pengurusan Covid-19.